

UNTUK EDARAN SEGERA

UNIVERSITI MALAYA DAN CGC JALIN KERJASAMA TINGKAT KEMAHIRAN PMKS

KUALA LUMPUR, 19 SEPTEMBER 2025 – Universiti Malaya (UM) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 18 September 2025 bagi membentuk kerjasama strategik dalam peningkatan kemahiran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui CGC Developmental Programme®.

Majlis menandatangani MoU ini menandakan satu kolaboratif yang signifikan dalam memperkasakan sektor PMKS di Malaysia. Diadakan di Galeri Seni Universiti Malaya, majlis tersebut disaksikan oleh wakil pengurusan tertinggi kedua-dua pihak, menunjukkan komitmen bersama terhadap pembangunan kapasiti PMKS. Melalui MoU ini, UM menerusi Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) akan menyediakan modul pembelajaran yang dirangka khusus untuk memenuhi keperluan PMKS. Perjanjian ini telah dimeterai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Malaya, Prof. Dr. Hasniza Zaman Huri dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak.

Menurut Prof. Dr. Hasniza Zaman Huri, “Usaha ini juga selaras dengan hasrat Universiti Malaya sebagai institusi yang bukan sahaja berfokus kepada pembangunan akademik tetapi juga sebagai rakan strategik industri dalam membangunkan PMKS yang mampu beradaptasi dengan penggunaan teknologi terkini. Melalui penguasaan teknik dan ilmu pemasaran digital yang ditawarkan dalam program ini, para peserta khususnya PMKS akan mendapat manfaat secara langsung dalam meningkatkan daya saing, memperluas pasaran, serta memenuhi keperluan pembelajaran khas bagi mengukuhkan kelestarian perniagaan mereka di era digital.”

Sementara itu, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak berkata, “CGC akan terus melaksanakan mandatnya bukan sahaja sebagai penyedia jaminan pembiayaan, tetapi juga sebagai rakan pembangunan kapasiti usahawan PMKS. MoU dengan Universiti Malaya hari ini mengukuhkan komitmen tersebut melalui perkongsian ilmu, pemerksaan kemahiran dan pengukuhan ekosistem perniagaan demi manfaat PMKS di seluruh Malaysia.”

Kerjasama ini dilihat sebagai satu model sinergi antara institusi akademik dan sektor industri yang berpotensi membuka laluan kepada pelbagai bentuk kolaborasi yang lebih meluas pada masa hadapan. Ia merangkumi aspek pemerksaan kemahiran PMKS Malaysia, pembangunan profesional, serta pelaksanaan program latihan yang memberi impak positif dan manfaat menyeluruh kepada pertumbuhan perniagaan.

TAMAT

Mengenai UM

Ditubuhkan pada tahun 1905, Universiti Malaya (UM) merupakan universiti tertua serta universiti nombor satu di Malaysia. UM menjadi lambang kecemerlangan akademik, penyelidikan berimpak tinggi dan pengiktirafan antarabangsa. Kepelbagaiannya ialah budaya di UM, dengan lebih 12,000 pelajar antarabangsa serta kakitangan dari 80 buah negara yang bersama membentuk komuniti inklusif dan berdaya global. Menawarkan lebih 300 program pengajian dari peringkat asas hingga kedoktoran, UM menyediakan pembelajaran fleksibel berorientasikan industri yang menggabungkan teori dengan pengalaman dunia sebenar. Sebagai Universiti Penyelidikan Utama, UM memacu impak global melalui lebih 50 pusat penyelidikan dalam empat kluster strategik, menjadikan idea berinovasi sebagai penyelesaian yang memberi manfaat kepada masyarakat. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.um.edu.my/> dan <https://study.umcced.edu.my/>.

Mengenai CGC

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) ditubuhkan pada 5 Julai 1972. CGC dimiliki sebanyak 78.65% oleh Bank Negara Malaysia dan 21.35% oleh bank-bank perdagangan di Malaysia. CGC bertujuan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang tidak mempunyai cagaran mencukupi atau rekod prestasi untuk mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan dengan menyediakan jaminan ke atas kemudahan tersebut. Sehingga Ogos 2025, CGC telah menyediakan lebih daripada 540,000 jaminan dan pembiayaan kepada PMKS bernilai lebih RM101 bilion sejak penubuhannya.

Pada 9 Februari 2018, CGC telah memperkenalkan imSME, platform rujukan pembiayaan/pinjaman PMKS dalam talian yang pertama di Malaysia. imSME berperanan sebagai saluran alternatif bagi PMKS untuk mendapatkan produk pembiayaan, sekali gus menjimatkan masa dan mengurangkan kerumitan proses permohonan. Sejak dilancarkan, portal imSME telah menerima lebih daripada 3.02 juta kunjungan, dengan lebih daripada 91,682 PMKS berdaftar di portal tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cgc.com.my dan <https://imsme.com.my/>.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Azman Idrus, Ketua, Pengurusan Strategik & Komunikasi atau Nazlin Amirudin, Ketua Seksyen, PR & Media, Media Sosial & CSR di ccsr@cgc.com.my.